

Hadith dan Kajian Ilmu Pengetahuan

Endang Mukhlis Hidayat

Muqaddimah

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد:

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW Penghulu para Nabi dan Rasul, tauladan bagi umat Islam, membimbing umatnya kepada jalan yang direndai Allah SWT melalui hadith-hadith yang Beliau sampaikan menerusi sahabat, tabi'in, tabi'ut tabi'in, ulama, sampailah kepada kita sebagai umat Baginda Muhammad SAW. Tidak diragui bahawa hadith merupakan rujukan selepas al-Quran bagi memahami ajaran agama Islam, ianya memperincikan kandungan al-Quran. Melalui hadith umat Islam dapat mengetahui dan mengamalkan Islam sesuai dengan kehendak Allah SWT kerana ia sebagai sumber ilmu pengetahuan.

Manakala ilmu pengetahuan sebagai keperluan asas bagi manusia, terutama umat Islam sebagaimana wahyu pertama turun kepada nabi Muhammad SAW dalam surah al-'Alaq, Allah SWT berfirman:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي
عَلَمَ بِالْقُلْمِ ④ عَلَمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

1. *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk),*
2. *Dia menciptakan manusia dari sebuah darah beku;*
3. *Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah;*
4. *Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan;*
5. *Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Ayat di atas memerintahkan manusia untuk membaca, membaca merupakan salah satu sarana bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Dengannya manusia dapat membezakan yang hak dengan batil, dapat menerangi jalan hidup dan dapat menyelamatkan manusia dari kebodohan.

Kepentingan hadith sudah sedia maklum iaitu bagi mengetahui perincian ajaran agama Islam yang merupakan jalan hidup yang direndai Allah SWT, manakala ilmu pengetahuan sebagai cahaya yang menerangi kegelapan dan menuntun manusia ke arah cita-cita yang ingin dicapai bahkan dapat menguasai bidang yang diingini.

Dalam kajian singkat ini akan dibahas berkenaan hadith dan ilmu pengetahuan bagi mengetahui sejauh mana perhatian hadith terhadap ilmu pengetahuan.

Perbahasan Pertama

A. Pengertian Hadith

Hadith menurut bahasa bererti baru, bentuk jama'nya ialah *ahadith*

Menurut istilah ulama hadith ialah perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa sallam* samada ucapan, perbuatan, pernyataan maupun sifat.

Berdasarkan definisi di atas, bentuk-bentuk hadith terbahagi kepada:

1. Hadith qauly, iaitu perkataan yang Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* sampaikan dalam pelbagai bidang, seperti hukum hakam, aqidah, akhlak, pendidikan dan sebagainya.
2. Hadith fi'ly ialah segala perbuatan yang disandarkan kepada Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*, perbuatan ini sebagai penjelasan terhadap syariat yang belum jelas cara pelaksanaannya.
3. Hadith taqriry, iaitu hadith yang berupa ketetapan Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* terhadap perkara yang dilakukan oleh para sahabat tanpa memberikan penegasan adakah Beliau membenarkan atau tidak
4. Hadith ahwaly iaitu hadith yang merupakan hal ehwal Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* seperti sifat-sifat Nabi dan keadaan fizikal beliau.

B. Kepentingan Hadith

Sebagaimana difahami bahawa hadith merupakan sumber islam kedua selepas al-Quran, maka iaanya mempunyai peranan yang sangat besar bagi menjelaskan kandungan al-Quran, hadith sebagai syarah kepada hakekat islam, selain daripada itu, hadith sebagai pedoman umat Islam bagi kesejahteraan hidup di dunia dan selamat di akhirat serta dapat membimbing mereka ke dalam syurga. Oleh itu wajib ke atas setiap individu mempelajari hadith, kerana melalui hadith manusia akan mengetahui hukum hakam, dapat membezakan yang hak dengan batil, akan mengamalkan Islam sesuai dengan yang Nabi contohkan, dapat mengetahui tata cara ibadah dan perincian ajaran agama. Secara am hadith mempunyai kepentingan, antara kepentingan hadith ialah:

1. Manhaj yang lengkap

Apabila manhaj al-quran ialah manhaj yang lengkap sebagaimana firman Allah:

وَإِذَا رَأَاهُ الَّذِينَ أَشْرَكُوا شُرَكَاءَهُمْ قَالُواْ رَبَّنَا هَؤُلَاءِ شُرَكَاؤُنَا الَّذِينَ كُنَّا نَدْعُوْا مِنْ دُونِنَا فَأَلْقُوا إِلَيْهِمُ الْقَوْلَ إِنَّكُمْ لَكَذِبُونَ ﴿٨٧﴾

...dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayat petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.

Maka hadith sejalan mengiringi al-Quran kerana ianya sebagai penjelas bagi al Quran. Hadith merupakan manhaj lengkap bagi kehidupan manusia seluruhnya. Samada berkenaan waktu, iaitu hadith memberikan panduan kepada manusia semenjak lahir sehingga meninggal dunia. Ataupun berkenaan ruang yang mencakup seluruh aspek kehidupan, hadith-hadith Nabi sampai ke rumah, pasar, masjid, ketika bekerja, hubungan dengan Allah, dengan diri sendiri, hubungan dengan orang lain, orang islam atau bukan, bahkan dengan haiwan dan benda-benda mati termasuk tumbuh-tumbuhan.

2. Manhaj yang seimbang

Hadith adalah manhaj yang memperlihatkan keseimbangan antara aspek ruh dan jasad, antara akal dan hati, antara urusan dunia dan akhirat, antara tiori dan praktikal, antara alam gaib dan alam nyata, antara individu dan kumpulan. Seperti contoh dalam hadith dari sahabat Anas *radiyallahu 'anh* tentang tiga orang sahabat yang bertanya ibadah Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*. Salah seorang daripada mereka berazam akan berpuasa sepanjang tahun dan tidak akan berbuka, seorang yang lain akan qiyamullail dan berjaga malam, manakala sahabat yang ketiga tidak akan menikah selamanya. Maka selepas Nabi mengetahui keinginan ketiga sahabat tersebut, beliau bersabda: akulah yang paling takut dan paling bertakwa kepada Allah, tetapi aku berpuasa dan berbuka, salat malam dan tidur, dan menikah, maka sesiapa yang tidak suka sunnahku maka dia bukan termasuk umatku.

3. Manhaj yang Mudah

Hadith yang disampaikan Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* adalah seiring dengan al-Quran iaitu sebagai rahmat, Allah mengutus Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* ke bumi dengan tujuan sebagai rahmat bagi sekalian alam, Allah berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Imam Ibn Kathir memberi komentar terhadap ayat ini dengan berkata: “ Allah mengutus Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa sallam* sebagai rahmat bagi sekalian alam, seluruhnya, sesiapa yang menerima rahmat ini dan mensyukurnya, akan bahagia di dunia dan akhirat, dan sesiapa yang menolaknya maka akan rugi di dunia dan akhirat”. Berdasarkan ayat di atas bahawa Rasulullah sebagai seorang insan yang membawa kepada kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مُهَدِّدٌ

Maksudnya: wahai sekalian manusia, sesungguhnya saya adalah rahmat yang dipersembahkan sebagai hadiah (al-Hakim).

Hadith-hadith yang Beliau sampaikan memberi kemudahan kepada umat, tidak hanya di dunia bahkan sampai akhirat, antara contoh kemudahan ini ialah, dibolehkan bertayammum bagi orang yang sakit dan ketika tidak ada air sebagai pengganti wudu, boleh jama' dan qasar semasa dalam keadaan safar atau bepergian, dibenarkan salat dalam keadaan duduk atau berbaring bagi sesiapa yang sakit.

Syariat Islam melalui al-Quran dan hadith tidak pernah menyusahkan kepada manusia, malah al-Quran dan hadith memberi kemudahan. Allah berfirman dalam surah al-baqarah ayat 185:

...يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ...

... Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu...

Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

عن أنس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: يُسرُوا وَلَا تُعُسِّرُوا، وَبَشِّرُوا وَلَا تُنفِرُوا.

*Hadith daripada Anas radiyallahu 'anh, daripada Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda: Permudahlah jangan buat susah, dan berilah kabar gembira jangan buat lari (orang lain). (Muttafaq 'alayh).*

Ayat dan hadith di atas menjelaskan tentang ajaran agama yang memberikan kemudahan bagi umatnya , sehingga setiap individu akan merasai manis dan lazatnya hidup dengan petunjuk al-Quran dan hadith Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam*, dan sentiasa merujuk kepada keduanya.

Perbahasan Kedua

A. Pengertian Ilmu Pengetahuan

Perkataan ilmu dalam bahasa Arab berasal dari kata kerja *'alima* – *ya'lamu* – (علم-يعلم) yang bererti tahu atau mengetahui, *'ilman* (علم) merupakan kata terbitan yang bermakna pengetahuan, manakala bentuk *fa'il* (pelaku) ialah *'alim* (عالم) yang bermaksud orang yang mengetahui / berilmu, bentuk jamaknya ialah *'ulama*, (علماء), dan dalam bentuk *maf'ulnya* (obyek) ialah *ma'lum* (معلومات) bererti yang diketahui.

Dalam tinjauan Islam, pengertian ilmu merujuk kepada masing-masing bidang pengetahuan yang mempelajari persoalan tertentu. Bermakna ilmu ini merupakan sesuatu cabang ilmu khusus, seperti ilmu tauhid, ilmu feqah, ilmu tafsir dan lain sebagainya. Menurut Imam al-Ghazali, Ilmu dalam pengertian yang seluas-luasnya mencakup ilmu Syar'iyyah dan ilmu Ghairu Syar'iyyah. Ilmu Syar'iyyah adalah ilmu yang berasal dari para Nabi dan wajib duttut dan dipelajari oleh setiap Muslim. ilmu-ilmu yang bukan bersumber dari para Nabi, termasuk ke dalam kategori ghairu syar'iyyah. Imam alGhazali juga membahagikan ilmu ke dalam dua kelompok iaitu: (1) Ilmu Fardu 'Ain, dan (2) Ilmu Fardu Kifayah. Ilmu Fardu Ain ialah ilmu tentang cara amal perbuatan sesuai syari'at, dengan segala cabangnya, seperti yang terkandung dalam rukun Islam. Sedangkan Ilmu

Fardu Kifayah ialah tiap-tiap ilmu yang tidak dapat diabaikan dalam urusan dunia, yang meliputi : ilmu kedokteran, ilmu berhitung untuk jual beli, ilmu pertanian, ilmu politik, bahkan ilmu menjahit, yang dapat membantu dan penting bagi urusan dunia.

B. Pembahagian Ilmu Pengetahuan

Ibnu Khaldun mengklasifikasikan ilmu ke dalam dua kelompok iaitu : (1) Ilmu yang merupakan semula jadi pada manusia, yang ia dapat menemukannya kerana aktiviti berpikir (*'aqli*), (2) Ilmu yang bersifat tradisional (*naqli*). Menurut Syah Waliyullah, ilmu dapat dibagi ke dalam tiga kelompok iaitu : (1) *al-Manqulat*; adalah semua Ilmu-ilmu Agama yang disimpulkan daripada atau bersumber kepada al-Qur'an dan hadith ; tafsir, ushul al-tafsir, hadith dan ilmu hadith, (2) *al-Maqulat*; adalah semua ilmu di mana akal pikiran memegang peranan penting, dan (3) *al-Maksyufat*; adalah ilmu yang diterima langsung dari sumber Ilahi tanpa melibatkan indra, mahupun pikiran.

Di bawah ini pengkaji akan mengemukakan beberapa hadith yang berkaitan dengan klasifikasi ilmu pengetahuan menurut bidangnya:

1. Ilmu-ilmu Agama

عن ابن عباس أن رسول الله صلى الله عليه وسلم وضع يده على كتفي أو على منكبي شك سعيد ثم قال: اللهم فقهه في الدين وعلمه التأويل

Hadith diterima daripada Ibn 'Abbas radiyallahu 'anh bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam meletakkan tangannya atas belakang saya atau pundak saya, perawi (Sa'id) ragu kemudian Rasulullah berdoa: ya Allah berikanlah kepadanya kefahaman yang mendalam tentang agama dan ajarilah ia takwil (al-Quran). (Hadith riwayat al-Bukhari dan Ahmad).

حدثنا سعيد بن عفیر قال حدثنا ابن وهب عن يونس عن ابن شهاب قال: قال حميد بن عبد الرحمن سمعت معاوية خطيبا يقول: سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقول: من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين. وإنما أنا قاسم، والله يعطي. ولن تزال هذه الأمة قائمة على أمر الله لا يضرهم من خالفهم حتى يأتي أمر الله .

Sa'id ibn 'Ufayr telah menceritakan kepada kami, dia berkata: Ibn Wahb telah menceritakan kepada kami daripada Yunus daripada Ibn Syihab berkata, Humaid bin Abdirrahman berkata, aku mendengar Muawiyah ketika menjadi khatib berkata, aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda, "Barangsiaapa yang dikehendaki oleh Allah menjadi orang yang baik, maka Allah akan memberikan kepadanya pengetahuan dalam Agama, sesungguhnya aku adalah orang yang membagi sementara Allah adalah sang pemberi, umat ini tidak akan pernah berhenti

menegakkan perintah Allah, dan tidak akan memberi mudarat kepada mereka, orang-orang yang menentangnya sampai datang hari kiamat. (Hadith riwayat al-Bukhari).

Hadith di atas menerangkan kepada kita bahawa Allah berkehendak menjadikan kita baik, bergantung bagaimana tingkatan pengetahuan dan pemahaman dalam ilmu Agama, iaitu: akidah, ibadah dan akhlak. Semakin tinggi pemahaman seseorang terhadap masalah agama maka akan semakin baik pula akhlak dan perlakunya sehingga ia dapat menghantarkannya menjadi orang yang takut kepada Allah *subhanahu wa ta'ala*.

Sebagaimana firman Allah:

وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابِ وَالْأَنْعَمْ حُتَّلِفُ الْوَنُهُ وَكَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ

غَفُورٌ

Ayat ini jelas menghabarkan bahawa ciri orang yang takut kepada Allah ialah orang yang berilmu, namun di zaman ini ramai orang yang pengetahuan agamanya banyak, tetapi dia semakin sompong dan tenggelam dalam kesesatan, kerana salah dalam niat mencari ilmu dan ia tidak mengamalkan ilmunya.

Hadith lain yang termasuk ke dalam ilmu agama ialah, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلَمَهُ

*Hadith daripada Uthman radiyallahu anh daripada Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda: Sebaik-baik kamu ialah orang yang mengajarkan al-Quran dan mengajarkannya. (Riwayat al-Bukhari, Abu Dawud dan al-Tirmidhi).*

Hadith ini menerangkan tentang kepentingan belajar dan mengajarkan al-Quran kerana al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan.

2. Ilmu Kesihatan Fizikal dan Kemiliteran

Selain ilmu yang bersifat ukhrawi, hadith-hadith yang Nabi sabdakan mengajarkan tentang ilmu yang bersifat dunia, antaranya ilmu yang berkaitan kesihatan fizikal, semasa di Madinah, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* telah mengajarkan kepada para sahabat pentingnya ilmu pengetahuan tentang kesihatan dan kekuatan fizikal. Praktikal salat, wudhu', mandi, puasa dan haji telah mengandung pendidikan kesihatan dan kekuatan badan. Tambahan pula bahawa Nabi mengajarkan cara makan dan minum sambil duduk dan secara sederhana, tidak berlebihan, tujuannya bagi kesihatan. Tetapi terdapat hadith secara khusus yang mengajarkan secara langsung tentang kekuatan dan kesihatan fizikal, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

عن سلمة بن الأكوع رضي الله عنه قال مر النبي صلى الله عليه وسلم على نفر من أسلم يتضلون فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ارموا بني إسماعيل فإن أباكم كان رأياً ارموا و أنا مع بني فلان قال فأمسك أحد الفريقين بأيديهم فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما لكم لا ترمون فقلوا يا رسول الله نرمي وأنت معهم قال ارموا و أنا معكم كلكم

Hadith daripada Salamah ibn alAkwa^c radiyallahu ^canh berkata: Pada suatu hari Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam lalu kepada sekelompok orang dari Bani Aslam yang sedang berlomba memanah, maka beliau sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Memanahlah kalian, hai bani Ismail, sebab nenek moyangmu dahulu (Nabi Ibrahim ^calaihi al-salam) adalah seorang pemanah. Panahlah dan saya bersama bani fulan. Maka salah satu kelompok berhenti. Rasulullah bersabda: kenapa kamu tidak memanah? maka mereka berkata: wahai Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam kami memamah tapi kamu memihak kepada mereka, Rasulullah pun bersabda: Memanahlah dan saya bersama kalian semuanya. (HR. alBukhari dan Ahmad).

Memanah merupakan sukan yang banyak faedahnya, antara lain melatih konsentrasi dan fokus, mengajarkan tujuan yang akan dicapai dan cara yang digunakan di zaman Nabi dalam mempertahankan agama, dan istilah sekarang dikenali dengan kemiliteran bagi mempertahankan negara.

Dalam hadith lain Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam memberi petunjuk kepada ibubapa agar mendidik anak-anaknya untuk memanfaatkan waktu luang dengan aktiviti yang berguna, sebaiknya digalakkkan pula untuk melakukan perlumbaan sukan lainnya, seperti berlari, menunggang kuda dan berenang. Kesemua aktifiti tersebut dapat menumbuhkan keberanian dalam diri anak-anak, pada masa yang sama dapat menghilangkan sifat takut dan pengecut. Sebagaimana Sabda Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam:

حُفٌّ أَوْ حَافِرٍ أَوْ نَصِيلٍ عَنْ أَبِي هَرِيرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا سَبَقَ إِلَّا فِي

Hadith daripada Abu Hurairah radiyallahu ^canh berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam telah bersabda: Tidak ada keunggulan kecuali dalam memanah dan menunggang kuda. (Riwayat Abu Dawud).

Pengajaran memanah dan menunggang kuda dalam hadith di atas iaitu bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam mengkategorikan fizikal sebagai salah satu aspek yang dibina dalam pendidikan. Pengajaran ini mempunyai faedah yang besar dalam menciptakan kesihatan mentaliti dan sekaligus memberi ruang bagi mengemukakan keinginan-keinginannya, Oleh itu Islam mengkhabarkan melalui hadith Nabi bahawa orang mukmin yang kuat jasmani dan rohani , lebih dicintai Allah dan lebih mulia daripada orang mukmin yang lemah. Sepertimana Rasulullah bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: **الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْمُضَعِّفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ ...**

Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah, dan pada masing-masing mukmin (yang kuat dan yang lemah) terdapat kebaikan ... (Riwayat Imam Muslim).

Makna kuat dalam hadith di atas juga bermakna kuat dalam hal agama, takwa, ibadah, selamatnya aqidah dan sebagainya, dan ini merupakan pendapat Imam Nawawi *rahimahullah*. Pendapat lain yang dimaksud kuat dalam hadith di atas ialah kuat badan, kuat dalam bekerja dan kuat dalam kesabarannya.

Demikianlah beberapa hadith yang dikemukaan berkenaan klasifikasi ilmu iaitu ilmu agama dan ilmu kesihatan fizikal.

C. Kedudukan Ilmu Pengetahuan dan Orang Yang Menuntut Ilmu

Kedudukan ilmu pengetahuan di sisi Allah subhanahu wa ta'ala dapat kita semak pada awal mula penciptaan manusia. Para malaikat diperintahkan Allah untuk bersujud (hormat) kepada Nabi Adam *'alaihi al-salam*, karena Adam mampu menceritakan nama-nama yang diajarkan Allah dan malaikat tidak mempunyai kemampuan untuk itu (QS. al-Baqarah: 30-34). Oleh karena keutamaan ilmu, ada di antara malaikat yang Allah perintahkan menaungi orang-orang yang mencari ilmu dengan sayap-sayapnya. Sepertimana sabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam:

عن صفوان بن عسال المرادي رضي الله عنه قال: إني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: ما من خارج بيته في طلب العلم إلّا وَضَعَتْ لَهُ الْمَلَائِكَةُ أَجْنِحَتَهَا رِضاً بِمَا يَصْنَعُ.

Hadith daripada Shafwan bin 'Assal al-Muradi radiyallahu 'anh berkata: Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Tidak seorang pun keluar dari rumahnya untuk mencari ilmu, kecuali para malaikat menaungi dengan sayap-sayapnya, kerana suka dengan yang ia kerjakan. (Ibnu Majah dan Imam Ahmad).

Menuntut ilmu merupakan kewajipan bagi setiap muslim samaada lelaki atau perempuan, sehingga Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam menjadikan aktiviti menuntut ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh kaum Muslimin bagi menegakkan agamanya, sebagai kewajipan yang bersifat Fardhu 'ain bagi setiap Muslim. Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

عن أنس رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم طلب العلم فريضة على كل مسلم

Hadith daripada Anas ibn Malik radiyallahu 'anh Ia berkata, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap Muslim. (Riwayat ibn Majah).

Sesungguhnya manusia yang menjadikan ilmu sebagai cita-citanya, maka ia telah menepuh jalan yang memudahkannya menuju ke syurga. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: مَن سَلَكَ طَرِيقًا يَأْتِمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

Hadith daripada Abu Hurairah radiyallahu 'anh berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Sesiapa menempuh jalan untuk menuntut ilmu, Allah mudahkan baginya jalan menuju syurga. ” (Riwayat Imam Muslim).

Bahkan Nabi menggalakkan umatnya untuk berlumba dalam mendapatkan ilmu, sehingga Nabi mengecualikan daripada hasad yang dilarang Allah, Rasulullah bersabda:

أَنْ عَبْدَ اللَّهِ عَمْرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((لَا حَسَدَ إِلَّا عَلَى اثْتَنَيْ رَجُلٍ أَتَاهُ الْكِتَابَ وَقَامَ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ، وَرَجُلٌ أَعْطَاهُ اللَّهُ مَا لَمْ فَهُوَ يَتَصَدَّقُ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ)).

Hadith daripada Abdullah bin Mas'ud radiyallahu 'anh berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda bersabda: Tidak boleh hasad (dengki), kecuali pada dua hal: orang yang Allah beri kitab (ilmu) dia mengamalkannya sepanjang malam, dan orang yang diberikan harta benda oleh Allah lalu ia bersedekah dengannya sepanjang siang dan malam. (Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).

Begini tingginya kedudukan ilmu, sehingga Rasulullah menyebutkan bahawa ilmu termasuk salahsatu daripada tiga amal yang tidak akan terputus pahalanya bahkan akan mengalir dan memberi manfaat bagi pelakunya sekalipun telah meninggal dunia, sabda Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*:

عَنْ أَبِي هَرِيرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((إِذَا مَاتَ إِنْسَانٌ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُتَفَقَّعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ)).

Hadith daripada Abu Hurairah radiyallahu 'anh bahwasanya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Jika seseorang meninggal dunia maka akan terputuslah amalnya, kecuali tiga hal; kecuali sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan, atau anak saleh yang mendoakan kepadanya. (Riwayat Imam Muslim).

Imam Nawawi memberi komentar terhadap hadith ini dengan berkata: “ Para Ulama telah berkata: bahawa amalan mayit akan terputus (pahalanya) dengan kematianya kecuali dengan tiga amalan ini...ilmu yang ia tinggalkan samaada berbentuk mengajarkan atau mengarang kitab...”

Demikianlah kedudukan ilmu dan para penuntut ilmu, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* semenjak diutus oleh Allah menjadi Nabi selalu mengingatkan para sahabat dan umatnya untuk selalu menuntut ilmu dan memberi penghargaan yang besar bagi para penuntut ilmu. Pada masa yang sama Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* juga mengingatkan agar mencari ilmu dengan matlamat mengharapkan reda Allah subhanahu wa ta'ala dan niat yang ikhlas keranaNya. Salafussalih telah memberi contoh kepada kita akan pentingnya niat yang ikhlas, oleh itu para Ulama hadith memulakan dalam kitab mereka dengan bab tentang pentinya ikhlas dan niat kerana Allah semata. Hanya dengan niat yang ikhlas dan tujuan yang baik ketika menuntutnya in shaa Allah Ilmu yang bermanfaat akan didapat. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* memberi contoh kepada umatnya untuk berdoa kepada Allah agar diberi ilmu yang bermanfaat.

عن أم سلمة رضي الله عنها أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يقول إذا صلى الصبح حين يسلم: اللهم إني أسألك علمًا نافعاً ورزق طيباً وعملًا متقلاً

Hadith daripada Ummu Salamah radiyallahu 'anha bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* ketika salat subuh setelah salam membaca: Ya Allah! Sesungguhnya aku mohon kepadaMu ilmu yang bermanfaat, rejeki yang baik dan amal yang diterima. (Ahmad dan Ibnu Majah).

Dalam hadith lain Rasulullah memerintahkan para sahabat dan umatnya untuk berdoa meminta ilmu yang bermanfaat.

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: سُلُوا اللَّهُ عِلْمًا نَافِعًا وَتَعَوَّذُوا بِاللَّهِ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ

Hadith diterima daripada Jabir ibn Abdillah radiyallahu 'anh berkata: Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda: Mohonlah kepada Allah ilmu yang bermanfaat dan berlindunglah kepadaNya dari ilmu yang tidak bermanfaat. (Riwayat Ibn Majah).

Kesimpulan

Berdasarkan kajian singkat ini, pengkaji dapat membuat beberapa kesimpulan, antaranya:

1. Hadith sebagai sumber ajaran Islam kedua mengambil berat terhadap ilmu pengetahuan sehingga ramai ulama yang mengarang kitab dan membuat tajuk khusus tentang ilmu pengetahuan dan mengumpulkan hadith-hadith yang berkenaan dengannya.
2. Salahsatu cara bagi mendapatkan ilmu ialah dengan membaca, hal ini Allah rakamkan dalam al-Quran surah al-'Alaq ayat 1-5, semasa wahyu pertama turun kepada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* di gua hira melalui malaikat Jibril *'alaihi al- salam*.

3. Ilmu yang Allah turunkan ke bumi amatlah banyak, tetapi paling kurang ada dua yang mesti manusia pelajari, iaitu ilmu syar'i dan ghayru syar'i atau ilmu yang merupakan fardu 'ain dan fardu kifayah.
4. Menerusi hadith-hadith yang terdapat dalam kajian ini, pembahagian ilmu antara lain: ilmu agama yang meliputi aqidah, ibadah dan akhlak, juga ilmu yang bersifat duniawi seperti kesihatan fizikal yang menyokong badan sentiasa dalam keadaan cergas untuk beribadah kepada Allah.
5. Ilmu sebagai pelita yang menerangi jalan hidup, yang mengenalkan makhluk kepada Penciptanya, juga yang akan menghantarkan individu menuju tempat yang diingini iaitu syurga yang penuh kenikmatan yang tiada bandingan dengan kenikmatan-kenikmatan dunia.
6. Pahala ilmu tidak akan terputus sekalipun yang empunya telah meninggal dunia, kerana manfaat yang sangat besar dari ilmu tersebut.
7. Rasulullah sebagai contoh tauladan telah mengajarkan umatnya untuk meminta ilmu yang bermanfaat kepada Allah subhanahu wa ta'ala.

Dengan memohon rahmat dan reda Allah, mudah-mudahan kajian singkat ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji dan juga kepada pembaca. Aamiin ya Rabbal 'alamin. Puji hanya kepada Allah dan selawat serta salam kepada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam*.